



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI DAN TRANSFORMATIF

BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

SENARAI KANDUNGAN

Daftar Istilah Dalam Eksploratori dan Transformatif	4
BAHAGIAN 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	6
1.2 Objektif	6
1.3 Ciri-ciri Utama Penyelidikan	6
1.4 Tujuan	7
BAHAGIAN 2: PERMOHONAN	
2.1 Syarat Permohonan	8
2.2 Peraturan Permohonan	9
2.3 Bidang Keutamaan Penyelidikan	10
2.4 Tempoh Penyelidikan	12
2.5 Siling Peruntukan	12
2.6 Kod Perbelanjaan	12
2.7 Penggunaan Peruntukan	14
2.8 Sasaran Output	15
2.9 Pulangan Nilai	16
BAHAGIAN 3 : PENILAIAN	
3.1 Penilaian Permohonan	17
3.2 Kriteria Penilaian	19
BAHAGIAN 4 : KEPUTUSAN PENILAIAN	
4.1 Pemakluman Keputusan dan Peruntukan	20
4.2 Dokumen Perjanjian	20
BAHAGIAN 5 : PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN	
5.1 Struktur Governan	22
5.2 Pelaksanaan Penyelidikan	22
5.3 Pindaan Kertas Penyelidikan	22
5.4 Pengurusan Peruntukan	23
5.5 Perolehan Aset, Bekalan Dan Perkhidmatan	24
5.6 Pengurusan Aset Dan Inventori	25
5.7 Pemantauan Peringkat IPT	25
5.8 Pemantauan Peringkat JPT	26
5.9 Pencapaian Output	28
5.10 Persidangan Dalam dan Luar Negara	31
5.11 Kawalan dan Penalti	32
BAHAGIAN 6 : PERANAN	35

LAMPIRAN

Rajah 1: Carta Alir Permohonan GET	39
Rajah 2: Carta Alir Pemantauan GET	40
Lampiran A: Senarai Institusi	41
Lampiran B: Sub-bidang Penyelidikan	46
Lampiran C: Bidang Bitara dalam RMK-13	49
Lampiran D: Kluster Penyelidikan	50
Lampiran E: Anjakan Besar Ekonomi MADANI	51
Lampiran F: MySTIE	52
Lampiran G: Matlamat Pembangunan Mampan	53
Lampiran H: Senarai Kementerian	54
Lampiran I: Garis Panduan Penerbitan Video & Poster	56
Lampiran J: Senarai Harta Intelek	58
Lampiran K: Tempoh Pelaksanaan Projek GET	59
Lampiran L: Jadual Cadangan Hasil Penyelidikan	60

DAFTAR ISTILAH DALAM EKSPLORATORI DAN TRANSFORMATIF

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang layak memohon dan menerima Geran Penyelidikan Eksploratori dan Transformatif (GET).
RMC	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di Institusi yang bertindak dan bertanggungjawab menyelaras serta menguruskan semua urusan berkaitan GET.
Kolaborator	Kolaborator merupakan pihak usaha sama yang terdiri daripada pihak industri/ agensi kerajaan/ agensi swasta/ institusi luar negara.
Mentor	Kakitangan akademik yang berperanan sebagai penyelia/ pembimbing/ penasihat kepada ketua projek yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama. Mentor merupakan ahli pasukan projek penyelidikan.
Honorarium/ Saguhati	Honorarium/ saguhati bermaksud bayaran bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan seumpamanya. Bayaran honorarium/ saguhati yang dibenarkan adalah seperti berikut: 1. Responden/ subjek bagi perbelanjaan perjalanan/lain-lain kos. 2. Enumerator. 3. Pakar rujuk untuk tujuan validasi.
Responden/ Subjek	Responden/ subjek bermaksud individu yang dipilih untuk memberikan maklumat dengan menjawab soal selidik yang dikemukakan atau kaedah lain yang berkaitan dalam melaksanakan kaji selidik penyelidikan atau kajian klinikal. Kadar bayaran responden/ subjek adalah tertakluk kepada peraturan semasa Institusi. Ketua projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada responden/subjek dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.

Enumerator	Enumerator bermaksud individu (bukan GRA/RA) yang dilantik untuk melaksanakan tugas pengumpulan data bagi tujuan penyelidikan termasuk membantu tugas menganalisis data penyelidikan tersebut. Skop enumerator merangkumi: 1) Mengumpul data atau soal-selidik/persampelan; 2) Melakukan transkripsi; 3) Membuat tugas lapangan; 4) Menganalisis data; dan/atau 5) Melakukan lain-lain tugas pengumpulan data penyelidikan yang berkaitan. Kadar bayaran enumerator ditentukan mengikut jam, harian atau bilangan soal-selidik/persampelan berdasarkan skop tugas yang bersesuaian. Kadar bayaran dan terma kelayakan adalah tertakluk kepada peraturan semasa Institusi. Ketua projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada enumerator dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.
Pakar rujuk	Pakar rujuk bermaksud ahli yang mahir dalam sesuatu bidang.
Perkhidmatan profesional	Perkhidmatan yang diberikan oleh individu/syarikat yang mempunyai kepakaran khusus atau lesen untuk menyelesaikan keperluan projek di luar bidang kepakaran ketua projek dan ahli pasukan.
<i>Learned societies</i>	Organisasi yang mempromosikan disiplin akademik, profesion atau kumpulan disiplin.
Tarikh mula	Tarikh projek bermula mengikut surat tawaran Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).
Tarikh akhir	Tarikh projek berakhir mengikut surat tawaran JPT atau tarikh pelanjutan yang diluluskan (jika berkenaan).
Tarikh tutup	Tarikh tutup merupakan tarikh fail kewangan projek ditutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir. Sebarang aktiviti penyelidikan tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut. Tempoh enam (6) bulan dibenarkan bagi bayaran yuran penerbitan (APC) dan pemfailan harta intelek.

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan permohonan Geran Penyelidikan Eksploratori dan Transformatif (GET). Garis Panduan ini hendaklah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Pengurusan Penyelidikan Dana Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi yang berkuat kuasa.

1.2 OBJEKTIF

Objektif geran ini adalah untuk menggalakkan penyelidikan asas agar dapat menjana ilmu baharu beracuan Malaysia dan mentransformasikan proses atau sistem sedia ada ke arah yang lebih baik yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baharu dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara. Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan yang menjadi salah satu faktor mendorong ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

1.3 CIRI-CIRI UTAMA PENYELIDIKAN

PERKARA	EKSPLORATORI	TRANSFORMATIF
Tujuan	Penyelidikan eksploratori (atau kajian penerokaan) adalah langkah awal dalam meneroka ilmu baharu melalui penyelidikan bagi memahami sesuatu masalah atau fenomena yang kurang jelas.	Penyelidikan yang mencipta kepada perubahan radikal terhadap polisi/ Tatacara Pengendalian Piawai (SOP)/ proses/ sistem sedia ada.
Fokus	Menerokai ilmu baharu, teori, model atau kerangka inovatif bagi menjawab persoalan asas dan merapatkan jurang pengetahuan strategik.	Mencadangkan perubahan besar kepada amalan/ standard/ proses sedia ada.
TRL akhir projek	1-2	2-3
Ciri-ciri utama	(i) Sifat yang fleksibel dan terbuka (ii) Menjawab persoalan "apa", "bagaimana" dan "mengapa"	(i) Berstruktur dan mempunyai penerima manfaat yang jelas (ii) Menjawab bagaimana "mengubah" dan "mengukur" impak

PERKARA	EKSPLORATORI	TRANSFORMATIF
	(iii) Keputusan yang tidak konklusif. (iv) Penjanaan hipotesis.	(iii) Mencetus perubahan besar untuk memperbaiki keadaan sedia ada (iv) Penambahbaikan kepada polisi/ SOP/ proses/ sistem sedia ada.
Hasil	(i) Hipotesis; (ii) Kajian baharu; (iii) Pemahaman asas; atau (iv) Kerangka konsep.	(i) Inovasi radikal; (ii) Pembuktian konsep; atau (iii) Perubahan atau pemerkasaan polisi/ SOP/ proses/ sistem sedia ada.
Contoh penyelidikan	(i) Penerokaan faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar B40 di sekolah.	(i) Penilaian impak model intervensi penglibatan pelajar B40 di sekolah.
	(ii) Mengenal pasti kecekapan bahan mineral tempatan untuk cuaca tropika di Malaysia.	(ii) Inovasi fotosintetik bio bateri berasaskan alga untuk menghasilkan elektrik dan oksigen secara serentak.
	(iii) Tinjauan terhadap pengalaman hidup gelandangan warga emas di Kuala Lumpur.	(iii) Inisiatif housing first: transformasi dasar perumahan negara melalui pemberian hak rumah terus kepada gelandangan
	(iv) Penerokaan cabaran dan peluang kelestarian perniagaan kenderaan elektrik di Malaysia.	(v) Transformasi model perniagaan EV ke arah kelestarian: kajian tindakan bersama industri.

1.4 TUJUAN

- 1.4.1 Pembangunan bakat penyelidik dalam kalangan IPT bagi memperkasakan ilmu dan kesarjanaan penyelidikan dalam bidang kepakaran.
- 1.4.2 Persediaan untuk membangunkan prestasi penyelidikan dalam kalangan penyelidik agar dapat berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 1.4.3 Membantu merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersialan.
- 1.4.4 Menerapkan kaedah pementoran sebagai keperluan dalam pelaksanaan projek penyelidikan.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pemakluman pembukaan permohonan Geran Penyelidikan Eksploratori dan Transformatif (GET) akan dimaklumkan oleh JPT melalui surat rasmi kepada Naib Canselor IPT untuk hebahan. Carta alir proses permohonan adalah seperti di **Rajah 1**. Senarai IPT yang boleh memohon perlu dirujuk di **Lampiran A**.

2.1 SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia di IPT yang memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- 2.1.1 Kakitangan akademik aktif berjawatan tetap/ kontrak bertaraf Pensyarah, Pensyarah Kanan, Profesor Madya atau Profesor;
- 2.1.2 Tempoh perkhidmatan mestilah berbaki sekurang-kurangnya dua (2) tahun di IPT masing-masing mulai tarikh tutup permohonan;
- 2.1.3 Mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang penyelidik bersama warganegara Malaysia berjawatan tetap dari institusi yang sama dengan bidang kepakaran yang sama sebagai ketua projek seterusnya (*next appointed leader*);
- 2.1.4 Penyelidik bersama bergantung kepada peranan, sumbangan dan keperluan dalam projek yang terdiri daripada kakitangan akademik atau kolaborator dalam satu projek adalah tidak melebihi lima (5) orang;
- 2.1.5 Bagi pemohon bertaraf pensyarah, pensyarah kanan atau Profesor Madya, seorang mentor hendaklah dikenal pasti dan dilantik dalam kalangan kakitangan akademik yang berpengalaman (berjawatan Gred Khas C atau setaraf dan ke atas) dari IPT masing-masing atau universiti lain dalam bidang kepakaran yang sama;
- 2.1.6 Permohonan baharu bagi ketua projek yang telah diluluskan geran penyelidikan di bawah JPT pada fasa yang terdahulu, akan diberi pertimbangan dengan bukti projek-projek tersebut telah selesai sepenuhnya (termasuk KPI) dan disahkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPT masing-masing. Ketua projek mestilah mengemaskini prestasi projek penyelidikan pada setiap kitaran pemantauan.
- 2.1.7 Pemohon yang sedang atau merancang cuti belajar/ cuti sabbatical/ cuti tanpa gaji/ sangkutan industri/ pasca doktorat/ dipinjamkan/ sangkutan akademik/

fellowship dalam tempoh enam (6) bulan dan ke atas semasa pembukaan permohonan atau merancang berpindah ke organisasi lain serta digantung tugas tidak dibenarkan memohon sebagai ketua projek.

- 2.1.8 Semua pemohon mestilah bebas dari tindakan tatatertib/ bankrap/ keberhutangan tinggi/ rekod jenayah.
- 2.1.9 Pemohon dimestikan untuk berkolaborasi dengan pihak industri/ agensi tempatan yang berkaitan dengan bidang penyelidikan yang dipohon bagi melaksanakan penyelidikan tersebut. Peranan dan sumbangan pihak usahasama hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam surat atau dokumen yang berkaitan.
- 2.1.10 Pemohon dimestikan untuk mengemukakan bukti carian paten (patent search) bagi setiap permohonan.
- 2.1.11 Pemohon dimestikan untuk mengenal pasti dan mengemukakan perancangan terhadap pengurusan risiko (risk assessment) dengan jelas bagi setiap permohonan projek.
- 2.1.12 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.

2.2 PERATURAN PERMOHONAN

- 2.2.1 Setiap Institusi mestilah telah berdaftar dalam Sistem *Malaysia Research Assessment Instrument* (Sistem eMyRA) sebelum mengemukakan permohonan. Setiap institusi juga hendaklah melengkapkan data dan mengemukakan dokumen pencapaian Malaysia Research Assessment (MyRA®) dalam Sistem eMyRA (tahun penilaian terkini).
- 2.2.2 IPT hendaklah menubuhkan Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre (RMC)) dan Jawatankuasa Penyelidikan Universiti/ Institusi (JKPU) di peringkat IPT masing-masing bagi memastikan kelancaran pengurusan dana penyelidikan dan pelaksanaan projek penyelidikan di institusi. Struktur JKPU perlu dirujuk dalam 'Dokumen Tadbir Urus Pengurusan Projek Penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi' yang berkuat kuasa.
- 2.2.3 Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) permohonan sahaja pada setiap fasa.
- 2.2.4 Maksimum bilangan projek yang boleh diketuai oleh pemohon adalah terhad kepada tiga (3) kali sahaja sepanjang perkhidmatan bagi geran GET dan setara (FRGS).

- 2.2.5 Projek yang telah menerima geran di bawah Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) untuk pembangunan prototaip/ inovasi yang sama adalah tidak dibenarkan memohon geran ini.
- 2.2.6 Pemohon mestilah mengemaskini profil peribadi di dalam sistem. Maklumat profil merupakan rujukan untuk menilai pematuhan syarat permohonan. Permohonan akan ditolak sekiranya maklumat tersebut tidak dikemaskini atau tidak lengkap.
- 2.2.7 Permohonan mestilah menepati syarat dan bidang penyelidikan seperti yang ditetapkan.
- 2.2.8 Pemohon mestilah memastikan mentor yang dipilih dapat berperanan sepenuhnya sebagai mentor.
- 2.2.9 Pihak Institusi dan penyelidik juga perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam “Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)”.
- 2.2.10 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/ Haiwan/ Bio-Keselamatan/ Badan Regulatori (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama. RMC perlu memantau dan memudahcara permohonan tersebut.
- 2.2.11 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan di peringkat IPT masing-masing sebelum dimajukan kepada pihak JPT untuk penilaian dan kelulusan.
- 2.2.12 RMC bertanggungjawab untuk memastikan pemohon geran GET masih kekal berkhidmat di IPT masing-masing sebelum permohonan geran penyelidikan dikemukakan ke JPT.

2.3 BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

- 2.3.1 Penyelidikan yang memenuhi salah satu (1) bidang penyelidikan iaitu:
- (a) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);
 - (b) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology);
 - (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);
 - (d) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);
 - (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);
 - (f) Sains Sosial (Social Sciences); atau
 - (g) Warisan dan Alam Sekitar (Environment and Heritage).
- Perincian sub-bidang penyelidikan boleh dirujuk di **Lampiran B**.

2.3.2 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu penyelesaian di bawah skop Trend Mega RMK13 iaitu:

- (a) Perubahan Susunan Blok Ekonomi (Changes in the Structure of Economic Blocs);
- (b) Perubahan Teknologi dan Digital Masa Hadapan (Changes in Future Technology and Digital);
- (c) Perubahan Demografi dan Kualiti Hidup (Shifts in Demography and Quality of Life);
- (d) Krisis Kesihatan Bumi (Planetary Health Crisis);

dan tiga (3) bidang penyelidikan tambahan berikut:

- (e) Pendidikan (Education);
- (f) Keselamatan Negara (National Security);
- (g) Warisan dan Kearifan Tempatan (Heritage and Local Knowledge).

2.3.3 Bidang BITARA

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada sembilan (9) bidang BITARA RMK13. Perincian boleh dirujuk di **Lampiran C**.

2.3.4 Kluster Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada lapan (8) kluster penyelidikan. Perincian boleh dirujuk di **Lampiran D**.

2.3.5 17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada 17 Anjakan Besar (*Big Bolds*) Ekonomi MADANI. Perincian boleh dirujuk di **Lampiran E**.

2.3.6 Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi. Perincian boleh dirujuk di **Lampiran F**.

2.3.7 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs - Sustainable Development Goals)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Perincian boleh dirujuk di **Lampiran G**.

2.3.8 Setiap permohonan mestilah sejajar dengan visi dan misi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026 - 2035.

2.3.9 Ketua projek hendaklah mengenal pasti dan memilih kementerian yang berkaitan projek yang ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya). Perincian boleh dirujuk di **Lampiran H**.

2.4 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah dua (2) atau tiga (3) tahun.

2.5 SILING PERUNTUKAN

Peruntukan yang dipohon tidak boleh melebihi RM250,000.00.

2.6 KOD PERBELANJAAN

Perbelanjaan yang dibenarkan untuk pembelian, pembayaran atau perolehan di bawah geran penyelidikan GET hendaklah memenuhi kod perbelanjaan berikut:

a) Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) / Pembantu Penyelidik (RA)

- (i) Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa sahaja. Siling elaun tidak melebihi RM3,000.00 untuk pelajar PhD dan RM2,500.00 untuk pelajar Sarjana. Elaun GRA yang dibayar mestilah tidak melebihi kadar yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan. Pemotongan elaun GRA bagi tujuan pembayaran caruman untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah tidak dibenarkan.
- (ii) Pelantikan Pembantu Penyelidik (Research Assistant - RA) hanyalah dibenarkan untuk warganegara Malaysia. Gaji RA adalah mengikut kelayakan termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (jika berkenaan).

b) Vot 21000 – Perjalanan, Pengangkutan dan Sara Hidup

- (i) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan proses mendapatkan data projek.
- (ii) Perjalanan untuk menghadiri persidangan adalah dibenarkan.
- (iii) Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 20% daripada jumlah peruntukan projek.

c) Vot 24000 – Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Justifikasi permohonan bagi setiap butiran dan sebut harga sewaan hendaklah disertakan.

d) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- (i) Perbelanjaan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan.
- (ii) Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah diperincikan.
- (iii) Justifikasi pembelian perlu dinyatakan.

e) Vot 28000 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil

- (i) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- (ii) Kos penyelenggaraan bagi peralatan sedia ada (telah didaftarkan sebagai aset IPT) yang digunakan semasa projek dilaksanakan dan dinyatakan dalam metodologi kajian adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

f) Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- (i) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, langganan perisian, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, enumerator, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (ii) Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus/latihan/program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja sepanjang tempoh penyelidikan) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan di dalam negara. Bagi kursus/latihan/program luar negara, kehadiran hanya dibenarkan secara dalam talian. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan perkhidmatan khas/belanja pakai habis ini adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan projek.

(iii) Kos penerbitan artikel merangkumi yuran penerbitan, semakan pruf (proofreading), terjemahan dan penyuntingan (editing) sekiranya output penerbitan disasarkan.

(iv) Setiap cadangan perbelanjaan dalam vot ini mestilah disertakan justifikasi.

g) Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

(i) Pembelian peralatan khas, aksesori (yang meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) dan perisian yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan. Sebut harga yang diperoleh daripada penjual dalam talian (online) seperti Shopee, Lazada dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.

(ii) Jumlah yang dipohon bagi vot ini tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan projek.

2.7 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

2.7.1 Ketua projek tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran ini bagi pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

2.7.2 Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-

- (a) Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
- (b) Pembelian peralatan storan data (seperti *external hard disk/ pendrive/* storan awan dan seumpamanya);
- (c) Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
- (d) Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi/perkhidmatan internet;
- (e) Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- (f) Pembelian peralatan pejabat (seperti meja/ kerusi dan seumpamanya);
- (g) Pembayaran sewaan ruang / fasiliti di Institusi masing-masing;
- (h) Penganjuran persidangan, simposium dan lain-lain;
- (i) Pameran atau pertandingan inovasi; dan
- (j) Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

2.7.3 Walau bagaimanapun, sekiranya butiran (a) hingga (d) di perenggan 2.7.2 adalah perlu dan berkait secara langsung dengan projek penyelidikan, ketua projek hendaklah memohon dalam kertas cadangan penyelidikan berserta justifikasi keperluan yang kukuh dan jelas serta telah mendapat kelulusan daripada panel penilai JPT semasa penilaian kertas cadangan penyelidikan.

2.7.4 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan dan pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

2.7.5 Pembayaran elaun atau saguhati kepada ketua projek, ahli dan kolaborator menggunakan vot 29000 (perkhidmatan) adalah tidak dibenarkan.

2.8 SASARAN OUTPUT

Output hendaklah berkaitan dengan objektif penyelidikan.

2.8.1 Pemfailan Harta Intelek (IP)

- (a) Setiap projek diwajibkan memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek.
- (b) Keutamaan adalah paten.
- (c) Ketua projek digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa.

2.8.2 Penerbitan

- (a) Setiap projek amat digalakkan menghasilkan penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- (b) Penghargaan kepada geran GET, JPT mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.8.3 Bakat

Keutamaan pelajar pascasiswazah (Doktor Falsafah (PhD) atau Sarjana (Master)) Warganegara Malaysia yang bersesuaian dengan skop penyelidikan dan menjalankan mod penyelidikan bagi pengajian sepenuh masa.

2.8.4 Penghasilan ilmu baharu/ teori baharu/ model baharu/ proses baharu/ teknologi baharu

Hasil penyelidikan dibentangkan dalam persidangan/ jurnal terindeks/ pemfailan harta intelek.

2.8.5 Garis Panduan atau kertas putih/ laporan teknikal (jika berkaitan)

Garis panduan atau kertas putih/ laporan teknikal yang sekurang-kurangnya dibentangkan kepada Kementerian/ agensi kerajaan yang berkaitan.

2.8.6 Penerima manfaat (jika berkaitan)

Penerima manfaat termasuk Kerajaan/Kerajaan tempatan, Industri, Komuniti Kampung, Sekolah, NGO dan sebagainya.

2.9 PULANGAN NILAI

Setiap projek perlu menghasilkan Pulangan Nilai (Return of Value (ROV)) yang berpadanan dengan nilai projek yang diperolehi. Pengiraan ROV adalah berdasarkan format yang disediakan oleh JPT merujuk kepada output seperti berikut:

- (a) Pendaftaran harta intelek
- (b) Penerbitan
- (c) Bakat
- (d) Perubahan pada kumpulan sasaran

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN PERMOHONAN

Penilaian permohonan geran penyelidikan dilaksanakan bagi menilai kualiti cadangan penyelidikan yang dikemukakan dari segi kejelasan objektif, kerelevanan skop penyelidikan dan metodologi, kebolehlaksanaan projek serta potensi impak hasil penyelidikan. Proses penilaian bertujuan memastikan hanya cadangan yang memenuhi kriteria, keutamaan dan objektif geran penyelidikan untuk dipertimbangkan.

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat IPT (Penilaian Dalaman)

- 3.1.1.1 Penilaian dilaksanakan di peringkat IPT. Hasil penilaian akan dimajukan kepada JPT untuk penilaian dan kelulusan;
- 3.1.1.2 RMC perlu melantik panel penilai IPT. Pelantikan panel penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh JPT;
- 3.1.1.3 Panel penilai perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Panel penilai yang dilantik mestilah pakar dalam bidang serta berpangkat Profesor Madya atau Profesor;
 - b) Setiap kertas cadangan penyelidikan perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai;
 - c) Penilaian perlu berpandukan syarat permohonan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Garis Panduan serta Dokumen Tadbir Urus yang berkuatkuasa;
 - d) Sekiranya terdapat keperluan untuk menambahbaik kertas cadangan penyelidikan, panel penilai perlu mengembalikan semula kertas cadangan penyelidikan tersebut kepada penyelidik untuk ditambah baik;
 - e) Panel penilai hendaklah memastikan dokumen pembuktian bagi kolaborasi dan carian paten disertakan bersama dalam permohonan. Dokumen pembuktian untuk kolaborasi adalah sekurang-kurangnya surat niat atau apa-apa dokumen yang

relevan. Manakala dokumen pembuktian carian paten adalah borang hasil carian paten;

- f) Sekiranya terdapat percanggahan keputusan antara panel pertama dan panel kedua, panel ketiga perlu dilantik. Keputusan panel ketiga tersebut adalah penentu sama ada kertas cadangan penyelidikan tersebut boleh diperaku oleh RMC; dan
- g) Perakuan akhir RMC hendaklah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai. RMC tidak dibenarkan untuk mengubah perakuan panel penilai.

3.1.2 Penaziran Permohonan Peringkat JPT

- 3.1.2.1 Penaziran dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penaziran yang dilantik oleh JPT;
- 3.1.2.2 Jawatankuasa bertanggungjawab meneliti proses penilaian dalaman dan proses pelaksanaan program GET oleh RMC di peringkat IPT;
- 3.1.2.3 Jawatankuasa bertanggungjawab membuat syor dan perakuan kepada Jawatankuasa Penilaian, JPT berdasarkan dapatan audit tersebut; dan
- 3.1.2.4 JPT berhak menolak kesemua permohonan dari IPT tersebut sekiranya proses penilaian dalaman tidak mematuhi mana-mana prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan.

3.1.3 Penilaian Permohonan Peringkat JPT

- 3.1.3.1 Permohonan GET akan dinilai oleh panel penilai JPT mengikut bidang penyelidikan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Penilaian ini adalah diketuai oleh seorang Ketua Penilai dan dianggotai oleh beberapa orang panel penilai/ ahli jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang penyelidikan masing-masing;
- 3.1.3.2 Penilaian oleh panel penilai/ ahli jawatankuasa penilaian JPT adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain garis panduan JPT; dan
- 3.1.3.3 Ketua Penilai perlu mengemukakan senarai projek-projek penyelidikan yang disyorkan kepada Jawatankuasa Teknikal GET untuk pertimbangan dan seterusnya memperaku serta mengangkat

permohonan berkenaan kepada Jawatankuasa Dana Kelestarian Penyelidikan JPT untuk kelulusan.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

3.2.1 Cadangan penyelidikan yang dikemukakan mestilah memenuhi salah satu kriteria berikut:

- (a) Penyelidikan eksploratori yang dapat menghasilkan suatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ sistem/ proses/ polisi baharu yang berpotensi untuk dikembangkan.
- (b) Penyelidikan transformatif yang dapat menambahbaik sesuatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ sistem/ proses/ polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada.

3.2.2 Cadangan penyelidikan mesti berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN PENILAIAN

4.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PERUNTUKAN

- 4.1.1 Surat pemakluman keputusan akan dikemukakan kepada Naib Canselor IPT dan disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari.
- 4.1.2 Peruntukan akan disalurkan kepada Bendahari/ kewangan IPT berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam surat pemakluman.
- 4.1.3 Peruntukan yang telah disalurkan kepada IPT penerima geran hendaklah diurus dan kekal di institusi tersebut mengikut kelulusan serta ketetapan Kementerian.
- 4.1.4 Pihak IPT bertanggungjawab untuk memastikan ketua projek yang berjaya masih kekal berkhidmat di institusi terlibat semasa keputusan dimaklumkan oleh pihak JPT.
- 4.1.5 Ketua projek dan kumpulan penyelidikan tidak dibenarkan menarik diri sejeurus selepas projek diluluskan.
- 4.1.6 Keputusan adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada sebarang rayuan.

4.2 DOKUMEN PERJANJIAN

4.2.1 Dokumen Perjanjian

- (a) Perjanjian dimeterai antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dengan IPT penerima geran bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan selaras dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan, serta bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak. Penyediaan dokumen perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab JPT.
- (b) Pihak IPT hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/ Rektor/ Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi kuasa bagi pihak IPT. Surat/ dokumen penurunan kuasa hendaklah dilampirkan bersama dokumen perjanjian.
- (c) Dua (2) salinan asal dokumen perjanjian yang telah ditandatangani dikemukakan kepada JPT untuk tindakan selanjutnya.

- (d) Pihak IPT adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang pindaan terhadap dokumen perjanjian.
- (e) Kos, termasuk duti setem, yang berkaitan dengan atau timbul daripada Perjanjian ini, jika ada, hendaklah ditanggung oleh IPT.

4.2.2 Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan

Surat akuan ini ditandatangani oleh ketua projek dan penyelidik bersama dan perlu dikemaskini setiap kali sebarang perubahan dibuat. Surat akuan ini merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian.

4.2.3 Lain-lain Dokumen

Lain-lain dokumen hendaklah diuruskan mengikut keperluan projek penyelidikan masing-masing (contohnya Surat Niat, Memorandum Persefahaman, Memorandum Perjanjian).

BAHAGIAN 5

PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN

5.1 STRUKTUR GOVERNAN

Geran GET adalah tertakluk kepada struktur dan pelaksanaan tadbir urus Dana Penyelidikan JPT bagi memastikan pengurusan dan pemantauan yang berkesan dan teratur. Struktur tadbir urus hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT. Struktur Governan GET perlu dirujuk dalam 'Dokumen Tadbir Urus Pengurusan Projek Penyelidikan di bawah Dana Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi' yang berkuat kuasa.

5.2 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

- 5.2.1 Projek penyelidikan yang telah diluluskan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh JPT. Projek perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan dan mematuhi tadbir urus DP JPT yang berkuat kuasa.
- 5.2.2 Pihak IPT dan penyelidik perlu memastikan sebarang permohonan perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan diuruskan mengikut penetapan tadbir urus DP JPT.
- 5.2.3 Ketua projek perlu mengemukakan kertas penyelidikan yang telah ditambahbaik mengikut ulasan JPT kepada pihak RMC. Kertas Cadangan Penyelidikan yang telah disemak perlu dikemukakan oleh RMC ke JPT untuk perakuan dalam bentuk salinan digital (*softcopy*).

5.3 PINDAAN KERTAS PENYELIDIKAN

- 5.3.1 Projek penyelidikan hendaklah dilaksanakan mengikut kertas penyelidikan yang telah diluluskan serta mematuhi Arahan Perbendaharaan, pekeliling dan prosedur yang ditetapkan di IPT.
- 5.3.2 Perubahan skop atau objektif tidak dibenarkan sepanjang tempoh penyelidikan, hanya sekiranya terdapat keperluan yang memberi impak positif kepada negara, perubahan skop atau objektif perlu mendapatkan kebenaran daripada JPT.
- 5.3.3 Permohonan pindaan terhadap butiran atau penggunaan peruntukan yang tidak dinyatakan dalam kertas penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada RMC untuk semakan sebelum pertimbangan dan

kelulusan JKPU. Jenis-jenis permohonan untuk kelulusan JKPU adalah seperti berikut:

- (a) Pindaan output;
- (b) Pindah peruntukan antara vot;
- (c) Tambah butiran baharu;
- (d) Pindaan item bagi aksesori dan peralatan;
- (e) Pelanjutan tempoh; dan
- (f) Pertukaran ketua projek dan/ atau ahli projek (tertakluk kepada kelulusan RMC sebelum dibawa untuk pertimbangan JKPU, jika berkenaan).

5.3.4 Selain perkara yang dinyatakan di atas, pihak RMC perlu mengemukakan permohonan kepada JPT untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan.

5.3.5 Permohonan yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi, perincian dan keperluan pindaan berserta dokumen sokongan (jika berkaitan) untuk pertimbangan.

5.4 PENGURUSAN PERUNTUKAN

5.4.1 Pindah Peruntukan

5.4.1.1 Pindah peruntukan antara vot sekiranya terdapat keperluan hendaklah mematuhi perkara seperti berikut:

- (a) Pindah peruntukan antara vot penyelidikan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan Universiti/ Institusi (JKPU).
- (b) RMC dikehendaki mengemaskini rekod kewangan setiap projek serta menyemak perbelanjaan dari semasa ke semasa untuk mengetahui baki peruntukan sebelum membuat sebarang urusan pindah vot.
- (c) RMC dikehendaki memastikan maklumat dalam sistem kewangan di IPT diselaraskan dengan rekod perbelanjaan di RMC.
- (d) Pindahan peruntukan antara vot dibenarkan dua (2) kali setahun sahaja.

- 5.4.1.2 Pindah geran penyelidikan kepada IPT/ institusi lain adalah tidak dibenarkan. Peruntukan tersebut hendaklah kekal di IPT penerima geran berdasarkan kelulusan JPT.
- 5.4.1.3 Pihak IPT tidak dibenarkan pindah pengurusan dana geran penyelidikan kepada syarikat holding/ spin-off.
- 5.4.1.4 Semua peruntukan hendaklah dibelanjakan sehingga tarikh akhir projek kecuali bayaran penerbitan dan harta intelek sehingga tarikh tutup projek.

5.4.2 Baki Peruntukan

- 5.4.2.1 Pihak IPT perlu melaporkan baki peruntukan sehingga 31 Disember setiap tahun kepada JPT bagi semua projek yang telah diluluskan (aktif/ selesai/ tamat tempoh/ ditamatkan) pada bulan Januari tahun berikutnya.
- 5.4.2.2 Sekiranya projek penyelidikan telah selesai/ tamat tempoh/ ditamatkan, pihak IPT hendaklah memastikan baki peruntukan projek penyelidikan tersebut disimpan dalam akaun berasingan dan sebarang penggunaan terhadap baki peruntukan tersebut adalah tidak dibenarkan melainkan terdapat arahan daripada JPT.
- 5.4.2.3 Pihak IPT juga tidak dibenarkan untuk menggunakan baki peruntukan tersebut bagi menampung lebihan perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu projek penyelidikan yang lain.

5.5 PEROLEHAN ASET, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

- 5.5.1 Perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan IPT yang berkuatkuasa.
- 5.5.2 Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir projek.
- 5.5.3 Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli aset yang tiada dalam kertas cadangan penyelidikan permohonan perlu dikemukakan melalui RMC untuk kelulusan JKPU.

5.5.4 Pembelian aset hanya boleh dilakukan oleh ketua projek sahaja. Pemindahan peruntukan ke IPT lain untuk pembelian aset adalah tidak dibenarkan.

5.5.5 Ketua projek bertanggungjawab untuk sebarang urusan kewangan dan perolehan.

5.6 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

5.6.1 Pengurusan aset dan inventori adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab setiap IPT penerima geran. Aset menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT penerima geran serta sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut pekeliling dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan IPT masing-masing.

5.6.2 Setiap aset yang diperolehi dari geran penyelidikan JPT perlu didaftarkan dan diurus mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan Institusi masing-masing. Semua aset perlu didaftarkan, direkodkan dan dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran “Hak Kerajaan Malaysia / Nama Geran JPT / IPT”.

5.6.3 Produk/ prototaip/ perisian/ aplikasi yang dihasilkan dari geran GET perlu didaftarkan sebagai aset IPT yang bertujuan untuk baik pulih dan modifikasi.

5.6.4 Setiap aset yang diperolehi/ hasil di bawah projek penyelidikan hendaklah diserahkan oleh penyelidik kepada IPT selepas tamat tempoh pelaksanaan projek, selaras dengan peraturan dan ketetapan yang berkuat kuasa.

5.6.5 Pelaporan aset perlu dilaporkan kepada JPT secara berkala mengikut kitaran pemantauan.

5.7 PEMANTAUAN PERINGKAT IPT

5.7.1 Laporan prestasi projek penyelidikan mengikut carta perbatuan bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di institusi masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada JPT melainkan terdapat arahan khusus berkaitannya.

5.7.2 Bagi pemantauan projek-projek GET yang telah diluluskan, penilaian dalaman di IPT hendaklah dilaksanakan oleh panel penilai dalam

bidang berkaitan untuk mengesahkan kemajuan dan pelaksanaan projek.

5.8 PEMANTAUAN PERINGKAT JPT

Pemantauan di setiap IPT serta projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek penyelidikan adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap IPT. Carta Alir Pemantauan bagi GET adalah seperti di **Rajah 2**.

5.8.1 Pemantauan Berjadual

Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Penghantaran laporan prestasi dilaksanakan seperti berikut:

5.8.1.1 Penghantaran laporan prestasi dan kewangan bagi projek GET kepada JPT adalah dua (2) kali setahun atau mengikut kitaran yang ditetapkan oleh JPT.

5.8.1.2 Pengarah RMC bertanggungjawab memberikan status pencapaian yang sebenar untuk setiap laporan.

5.8.1.3 RMC perlu mengeluarkan peringatan bagi penghantaran laporan prestasi dan kewangan kepada ketua projek.

5.8.1.4 Borang-borang yang perlu dikemukakan kepada JPT adalah seperti berikut:

(a) Borang Laporan Prestasi Projek GET (P-R)

- Ketua projek perlu menghantar borang laporan prestasi untuk semakan RMC di IPT masing-masing.
- Laporan yang telah disemak oleh RMC perlu dikemukakan secara salinan digital (*softcopy*) kepada urus setia GET JPT.

(b) Borang Laporan Kewangan GET (K-RMC)

- RMC perlu menghantar borang laporan kewangan yang lengkap mengikut fasa projek dan disahkan oleh Bendahari IPT.
- Laporan perlu dihantar oleh RMC secara salinan digital (*softcopy*) kepada urus setia GET JPT.

- (c) Borang Laporan Pencapaian GET (P-RMC)
 - Laporan Pencapaian GET yang lengkap mengikut fasa bagi projek GET perlu diselaraskan dan disahkan oleh RMC.
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC secara salinan digital (*softcopy*) kepada Urus Setia GET JPT.
- (d) Senarai rekod dan pendaftaran harta modal (A-RMC)
 - Setiap projek perlu melaporkan senarai harta modal kepada RMC untuk semakan.
 - Senarai rekod dan pendaftaran aset hendaklah dihantar oleh RMC secara salinan digital (*softcopy*) kepada Urus Setia GET JPT.

5.8.2 Pemantauan Tidak Berjadual

Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual, sekiranya perlu:

5.8.2.1 Lawatan tapak dan pengauditan dokumen.

5.8.2.2 Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan JPT.

5.8.2.3 Lain-lain kaedah pemantauan yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan.

5.8.2.4 Pembentangan prestasi keseluruhan GET oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI) institusi masing-masing kepada JPT.

5.8.3 Laporan Akhir Projek

Ketua projek perlu melengkapkan laporan akhir dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh projek ditamatkan. Laporan akhir ini merangkumi perkara-perkara berikut:

5.8.3.1 Hasil penyelidikan;

5.8.3.2 Menyediakan serahan sokongan seperti:

- (a) Infografik / poster hasil penyelidikan.
- (b) Video impak penyelidikan GET berdurasi tiga (3) minit mengikut format yang telah ditetapkan JPT seperti di **Lampiran I**.
- (c) Prototaip atau produk didokumenkan (sekiranya ada).

5.9 PENCAPAIAN OUTPUT

Pemohon perlu membuat perancangan output berpandukan kiraan pulangan nilai (ROV) bagi penyelidikan yang dicadangkan untuk menggambarkan nilai keseluruhan penyelidikan serta tahap keyakinan pemohon terhadap kepentingan dan potensi impak yang terdiri daripada gabungan elemen berikut:

5.9.1 Harta Intelek (IP)

Setiap projek wajib menghasilkan harta intelek yang berpadanan dengan skop penyelidikan. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) IP yang diambil kira mesti berkaitan dengan penyelidikan semasa (senarai IP adalah seperti di **Lampiran J**);
- (b) Hasil IP yang difailkan perlu disertakan dengan bukti;
- (c) IP yang dihasilkan daripada geran penyelidikan KPT akan menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi;
- (d) Pengurusan IP adalah menjadi tanggungjawab institusi yang berkaitan bergantung kepada pemilikan IP.

5.9.2 Penerbitan

Kriteria yang ditetapkan bagi penerbitan artikel yang terhasil daripada projek penyelidikan adalah seperti berikut:

- (a) Setiap projek penyelidikan digalakkan menghasilkan penerbitan dalam jurnal terindeks.
- (b) RMC berperanan membuat semakan terhadap pencapaian penerbitan bagi memastikan penyelidik tidak menerbitkan artikel dalam jurnal dan prosiding dari penerbit yang dikategorikan sebagai penerbit pemangsa (*predatory publisher*).
- (c) Artikel dalam jurnal terindeks perlu berstatus telah diterbitkan.
- (d) Penghargaan hendaklah dinyatakan kepada pemberi dana merangkumi Nama Kementerian, Nama Geran (Geran Penyelidikan Eksploratori dan Transformatif) serta kod projek GET JPT bagi setiap artikel dan lain-lain penerbitan. Bagi artikel yang tidak menyatakan kod projek, pihak RMC perlu mengesahkan sama ada artikel itu adalah hasil daripada projek penyelidikan tersebut supaya artikel itu boleh diambil kira sebagai output.
- (e) Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu geran penyelidikan di bawah geran penyelidikan JPT, artikel jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output bagi projek penyelidikan yang diberi penghargaan pertama.

- (f) Jika penghargaan diberikan kepada lebih dari satu pemberi dana (Kementerian/ Agensi yang berbeza), ketua projek perlu menyatakan pemberi dana terbesar untuk penghargaan pertama, dan seterusnya kepada pemberi dana yang lain. Jurnal tersebut akan diambil kira sebagai output jika penghargaan pertama yang dinyatakan adalah kepada geran penyelidikan JPT.
- (g) Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang melibatkan penulis bersama dari kalangan pihak industri adalah amat digalakkan.
- (h) Garis panduan atau kertas putih/ laporan teknikal yang diperakukan secara bertulis oleh pemegang taruh yang berkaitan.

5.9.3 Bakat

Penghasilan bakat merujuk kepada pembangunan modal insan melalui aktiviti seperti latihan, penyeliaan, pemindahan pengetahuan dan kemahiran, penglibatan pelajar pasca siswazah (GRA), pembantu penyelidik (RA), serta penyelidik. Bagi GRA atau RA, kriteria yang diambil kira adalah seperti berikut:

- (a) GRA atau RA berperanan membantu pelaksanaan projek penyelidikan dari aspek akademik, teknikal dan pengurusan projek, termasuk pengumpulan dan analisis data, penyediaan laporan, dokumentasi penyelidikan, penyelarasan aktiviti projek serta pematuhan kepada etika penyelidikan dan garis panduan institusi.
- (b) GRA atau RA dilantik sepanjang tempoh aktif pelaksanaan projek penyelidikan.
- (c) GRA mestilah mengikuti pengajian sepenuh masa dengan mod penyelidikan.
- (d) GRA mestilah menjalankan pengajian yang berkaitan secara langsung dengan skop, objektif dan tajuk tesis yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan dan disahkan oleh RMC.
- (e) GRA atau RA mestilah diselia oleh ketua projek atau penyelidik bersama (selaku penyelia utama) di bawah IPT penerima geran penyelidikan tersebut.
- (f) GRA yang dilantik mestilah bukan ketua projek/ penyelidik bersama yang sedang menyambung pengajian atau bercuti belajar.
- (g) Had lantikan GRA bukan warganegara Malaysia tidak melebihi 50% daripada GRA warganegara Malaysia.
- (h) Pelaporan GRA atau RA hendaklah merangkumi surat lantikan (mengandungi nama GRA/RA, kadar elaun, maklumat tajuk/ kod

projek, tajuk tesis (bagi GRA), program dan tempoh pengajian (bagi GRA), nama penyelia, surat melanjutkan pengajian (bagi GRA), surat tamat pengajian dan lain-lain dokumen yang berkaitan sebagai pembuktian kepada JPT.

- (i) Status pengajian GRA sedang dalam pengajian atau telah bergraduasi perlu dikemaskini dalam laporan pemantauan dari semasa ke semasa walaupun penyelidikan telah tamat.
- (j) Penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.

5.9.4 Data Penyelidikan

- (a) Data penyelidikan ialah semua jenis maklumat yang dikumpul oleh penyelidik untuk melengkapkan sesebuah penyelidikan. Data yang dimaksudkan ini merangkumi semua penerbitan, data yang digunakan untuk menghasilkan penerbitan, data penting yang tidak diterbitkan (misalnya *bioresources*/pangkalan data) serta data mentah.
- (b) Pengumpulan dan pengurusan data penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab penyelidik. Adalah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk memastikan data penyelidikan ini disimpan dengan baik di institusi masing-masing semasa tempoh projek aktif dan juga selepas projek telah tamat.
- (c) Data penyelidikan tersebut adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Institusi penerima geran.
- (d) Digalakkan perkongsian data dalam platform perkongsian data selepas pemfailan harta intelek sekiranya perlu.

5.9.5 Pelaporan Output

Sebarang pencapaian terkini berkaitan harta intelek (IP), penerbitan dan bakat perlu dilaporkan oleh ketua projek dari semasa ke semasa walaupun projek penyelidikan telah tamat/selesai. JPT berhak meminta apa-apa maklumat berkaitan projek dari semasa ke semasa seperti output dan ROV, mengadakan audit dan lawatan tapak, menjemput untuk mempamerkan maklumat projek atau apa-apa yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang telah diberikan.

5.10 PERSIDANGAN DALAM DAN LUAR NEGARA

- 5.10.1 Penggunaan peruntukan geran penyelidikan GET bagi tujuan menghadiri persidangan di dalam dan luar negara hendaklah tertakluk kepada butiran dan amaun yang telah diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan.
- 5.10.2 Persidangan yang dihadiri hendaklah dianjurkan oleh badan profesional (*learned societies*) dan/atau universiti yang diiktiraf.
- 5.10.3 Persidangan yang dihadiri hendaklah berkaitan secara langsung dengan penyelidikan, sama ada kehadiran dibuat secara fizikal atau maya, dan penyelidik hendaklah mendapatkan pengesahan daripada penganjur berhubung mod pembentangan persidangan tersebut.
- 5.10.4 RMC hendaklah memastikan kelulusan menggunakan peruntukan GET hanya untuk menghadiri persidangan berkaitan secara terus dengan penyelidikan yang dijalankan sahaja.
- 5.10.5 GRA hanya dibenarkan menghadiri dan membentangkan hasil penyelidikan di persidangan dalam negara dan negara Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) sahaja.
- 5.10.6 Bagi kehadiran ke persidangan di luar negara, penyelidik perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- (a) Perjalanan adalah dibenarkan untuk projek penyelidikan yang memasuki tahun kedua dan ke atas sahaja;
 - (b) Perjalanan menggunakan laluan dan tambang yang berpatutan;
 - (c) Hanya dibenarkan sekali perjalanan pembentangan ke luar negara dalam tempoh pelaksanaan bagi setiap projek;
 - (d) Dua (2) orang penyelidik dibenarkan menghadiri persidangan di luar negara dan membentangkan hasil penyelidikan masing-masing;
 - (e) Tidak dibenarkan menghadiri persidangan luar negara yang dianjurkan oleh penganjur tempatan;
 - (f) Penyelidik perlu mematuhi kriteria kelayakan (Jadual 1) yang telah ditetapkan bagi menghadiri persidangan di luar negara mengikut dasar IPT masing-masing.

Jadual 1: Kriteria kelayakan menghadiri persidangan luar negara

Kriteria	Bidang	
	Sains dan Teknologi	Sains Sosial
Kelayakan	Ketua dan ahli projek sahaja	
Penerbitan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: • 2 artikel dalam jurnal terindeks SCOPUS atau WOS/ 2 bab dalam buku penyelidikan/ 1 buku penyelidikan	Untuk kakitangan di bawah 5 tahun perkhidmatan: • 2 jurnal berwasit/ 2 bab dalam buku penyelidikan/ 1 buku penyelidikan
	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: • 5 penerbitan terindeks SCOPUS atau WOS dalam tempoh 3 tahun terakhir/ 5 bab dalam buku penyelidikan / 2 buku penyelidikan	Untuk kakitangan melebihi 5 tahun perkhidmatan: • 5 penerbitan berwasit dalam tempoh 3 tahun terakhir/ 5 bab dalam buku penyelidikan/ 2 buku penyelidikan

5.11 KAWALAN DAN PENALTI

5.11.1 Prestasi projek dinilai melalui pencapaian objektif, serahan hasil penyelidikan (deliverables), output dan prestasi kewangan projek. Pelaksanaan projek mestilah berdasarkan kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan.

5.11.2 Pihak RMC/ JKPU hendaklah mengenal pasti projek yang lewat jadual atau bermasalah dan boleh memberikan tempoh pemerhatian selama tiga (3) bulan kepada ketua projek untuk mencapai prestasi yang memuaskan.

5.11.3 Projek lewat jadual atau bermasalah boleh ditamatkan sekiranya masih tidak berjaya diselesaikan.

5.11.4 Ketua projek boleh dikenakan penalti sekiranya gagal mematuhi perkara seperti berikut:

- (a) Tidak menghantar laporan prestasi dan kewangan (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh JPT);
- (b) Tidak hadir pembentangan prestasi tanpa justifikasi yang kukuh;
- (c) Tidak menghantar laporan akhir (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh JPT);
- (d) Tidak mencapai KPI/serahan penyelidikan yang dipersetujui;
- (e) Tidak hadir pembentangan laporan akhir tanpa justifikasi yang kukuh;
- (f) Tidak menyelesaikan penyelidikan atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tiada surat pemakluman kepada JPT melalui RMC.

5.11.5 RMC hendaklah mengeluarkan surat amaran/ tunjuk sebab terlebih dahulu kepada ketua projek yang terlibat sebagai peringatan sebelum tindakan penalti dikenakan. Tindakan penalti yang wajar dikenakan kepada penyelidik adalah seperti berikut:

- (a) Sekatan terhadap perbelanjaan akan dikenakan bagi Perkara 5.11.4 (a) dan 5.11.4 (b).
- (b) Bagi Perkara 5.11.4 (c), 5.11.4 (d), 5.11.4 (e) dan 5.11.4 (f), nama penyelidik yang dikenakan penalti tidak dibenarkan memohon geran baharu JPT sebagai ketua projek bagi tempoh dua (2) tahun atau sebagai penyelidik bersama bagi tempoh satu (1) tahun. RMC perlu mengemukakan nama penyelidik yang dikenakan penalti kepada JPT setiap kali pembukaan geran.
- (c) Penyelidik yang berbelanja melebihi had/ tuntutan selepas tamat tempoh penyelidikan atas kecuaiannya sendiri perlulah membayar semula peruntukan yang telah dibelanjakan.

5.11.6 Pihak RMC perlu menghantar pemakluman berhubung projek yang terlibat dalam kes-kes di perenggan 5.11.5 merangkumi maklumat projek penyelidikan, sebab-sebab penamatan, kronologi tindakan-tindakan yang telah diambil serta dokumen sokongan kepada JPT untuk rekod dan tindakan lanjut sekiranya perlu.

5.11.7 Ketua Projek tidak dibenarkan untuk memohon mana-mana geran penyelidikan GET sebagai ketua projek/penyelidik bersama jika:

- (a) Tidak pernah mengisi dan mengemukakan laporan prestasi kepada RMC untuk projek-projek penyelidikan yang sedang berjalan (tertakluk kepada arahan semasa).

- (b) Tidak menghantar laporan akhir dengan lengkap yang telah disahkan oleh JKPU kepada JPT untuk projek-projek penyelidikan yang telah tamat.

5.11.8 RMC perlu mengesyorkan penamatan awal projek kepada JPT melalui JKPU. Antara kriteria projek yang boleh ditamatkan ialah:

- (a) Penyelidikan yang sama (similar) telah dijalankan di bawah geran/projek penyelidikan lain;
- (b) Penyelidikan yang telah mendapat dana penyelidikan dari Kementerian/ agensi lain;
- (c) Projek penyelidikan bermasalah dan tidak dapat diteruskan;
- (d) Ketua projek dan semua penyelidik bersama menarik diri daripada menjalankan projek penyelidikan; dan
- (e) Projek penyelidikan yang tidak membuat sebarang perbelanjaan setelah satu (1) tahun pelaksanaan projek (setelah RMC mengeluarkan surat amaran/ tunjuk sebab).

5.11.9 RMC juga bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan oleh JPT sekiranya didapati berlakunya ketidakpatuhan. JPT berhak menentukan lain-lain langkah kawalan dan penalti yang wajar diambil.

5.11.10 JPT berhak menamatkan projek dan menyenarai hitamkan semua IPT/ ketua projek/ penyelidik bersama/ kolaborator yang terlibat pada bila-bila masa dan dikecualikan daripada menerima geran penyelidikan JPT untuk tempoh dua (2) tahun sekiranya langkah-langkah tersebut dianggap perlu.

5.11.11 Semua penyelidik yang telah dikenal pasti bermasalah akan disenarai hitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan baharu bagi semua geran penyelidikan JPT.

BAHAGIAN 6

PERANAN

6.1 Jawatankuasa Dana Kelestarian Penyelidikan Jabatan Pendidikan Tinggi (JDKP JPT)

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi yang bertanggungjawab untuk meluluskan cadangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal GET. JDKP JPT berperanan untuk menetapkan hala tuju, meluluskan permohonan dan peruntukan pembiayaan dan memastikan pengurusan dana penyelidikan dilaksanakan secara berkesan, telus dan berakauntabiliti.

6.2 Jawatankuasa Teknikal GET

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI) Jabatan Pendidikan Tinggi yang bertanggungjawab untuk memperakukan permohonan yang disyorkan oleh panel penilai KPT. Jawatankuasa Teknikal berperanan untuk memastikan permohonan dan pelaksanaan projek penyelidikan GET dilaksanakan secara berkesan dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

6.3 Panel Penilai JPT

- (a) Menilai kualiti, kesesuaian dan kebolehlaksanaan permohonan projek/geran penyelidikan.
- (b) Menyemak skop, metodologi, objektif, serta potensi impak penyelidikan selaras dengan dasar dan keutamaan nasional.
- (c) Menilai dan mengesahkan pencapaian KPI, kemajuan pelaksanaan dan hasil penyelidikan yang dilaporkan.
- (d) Memberi ulasan teknikal, syor penambahbaikan dan penilaian profesional terhadap projek.
- (e) Mengemukakan perakuan kepada JPT berhubung kelulusan, penambahbaikan, pemantauan lanjut atau penamatan projek.

6.4 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI)

TNCPI melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek penyelidikan GET dalam setiap peringkat. Bertanggungjawab melaporkan dan membentangkan prestasi projek serta hasil penyelidikan GET secara berkala kepada JPT.

6.5 Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

- (a) Memastikan permohonan dan pelaksanaan projek dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu berkaitan plagiarisme, etika dan integriti hendaklah diambil tindakan sewajarnya.
- (b) Memastikan semua projek mencapai prestasi kewangan dan kemajuan yang memuaskan berdasarkan carta perbatuan.
- (c) Memastikan pelaksanaan projek penyelidikan mengikut garis panduan dan tadbir urus yang ditetapkan.
- (d) Memantau dan menilai prestasi projek penyelidikan.
- (e) Menyediakan laporan prestasi dan pelaksanaan geran GET secara keseluruhan kepada JPT.
- (f) Memberi cadangan dan saranan bagi kelangsungan projek berdasarkan kepada prestasi projek dan kewangan.
- (g) Menguruskan lawatan ke lokasi projek walaupun projek telah selesai berdasarkan keperluan JPT.
- (h) Memantau pencapaian output/ ROV setiap projek penyelidikan dalam tempoh tiga (3) tahun selepas tamat projek bagi menilai impak projek.

6.6 Panel penilai IPT

- (a) Menilai dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) Memaklumkan justifikasi secara terperinci bagi permohonan yang gagal;
- (c) Menilai prestasi dan laporan akhir projek-projek penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (d) Memberi cadangan penambahbaikan proses penilaian dan pemantauan geran penyelidikan kepada RMC; dan
- (e) Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

6.7 Jawatankuasa Penyelidikan Universiti/ Institusi (JKPU)

- (a) Memantau prestasi serta keberkesanan perancangan/ strategi/ pelaksanaan penyelidikan.
- (b) Meneliti/memperaku semua permohonan sepanjang pelaksanaan projek penyelidikan.
- (c) Memperakukan dan meluluskan laporan akhir penyelidikan serta menyelaraskan dan memantau pencapaian output/ ROV setiap projek penyelidikan dalam tempoh tiga (3) tahun selepas projek tamat.
- (d) Memperaku hasil penyelidikan adalah dari pelaksanaan projek dan mestilah berkaitan dengan objektif penyelidikan.
- (e) Mengemukakan video impak penyelidikan yang signifikan serta berimpak tinggi untuk diketengahkan sebagai kisah kejayaan (success story) projek penyelidikan GET.

6.8 Mentor

- (a) Setiap mentor dikehendaki memperkenalkan potensi kolaborator (yang mempunyai bidang kepakaran yang sama) kepada pemohon untuk menjalinkan usaha sama penyelidikan. Dokumen berkaitan jalinan hubungan penyelidikan bersama kolaborator (seperti *Letter of Intent/MoU/MoA*) perlu disertakan bersama serahan hasil penyelidikan.
- (b) Sesi bersama mentor perlu diadakan secara berkala. Bukti sesi pertemuan perlu disertakan bersama serahan hasil penyelidikan.

6.9 Ketua Projek

- (a) Bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat permohonan dan memastikan penyelidikan dijalankan secara beretika dan cekap bagi memenuhi skop, objektif, tempoh masa, jangkaan hasil, carta perbatuan dan belanjawan sebagaimana yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan serta terma-terma dalam perjanjian antara IPT dengan penyidik.
- (b) Bertanggungjawab melaporkan dan mengemukakan laporan kemajuan projek dan prestasi kewangan mengikut ketetapan. Laporan akhir serta lain-lain pelaporan juga perlu dikemukakan mengikut ketetapan.
- (c) Bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pelaksanaan projek mengikut peraturan dan tadbir urus yang ditetapkan.
- (d) Bertanggungjawab memastikan penglibatan aktif ahli kumpulan.
- (e) Bertanggungjawab untuk mengemukakan maklumat dan laporan pencapaian terkini projek kepada RMC/JPT walaupun selepas tamat tempoh pelaksanaan projek. Kewajipan ini adalah bagi memenuhi keperluan pelaporan Return of Value (ROV). Ketua projek yang gagal mencapai tahap ROV yang ditetapkan akan memberi kesan kepada permohonan geran penyelidikan yang akan datang.
- (f) Bertanggungjawab memastikan projek yang diperolehi dapat membantu kumpulan sasar dari segi jangkauan penerima manfaat, penerimaan organisasi/pemegang taruh, perubahan dasar/amalan.


6.10 Penyelidik bersama

- (a) Menyumbang secara aktif dalam projek penyelidikan bagi mencapai objektif penyelidikan.
- (b) Membantu penyediaan laporan prestasi dan kewangan serta laporan akhir.
- (c) Mematuhi etika penyelidikan mengikut bidang masing-masing dan tertakluk kepada apa-apa kaedah dan peraturan IPT.

6.11 Industri/ Agensi


- (a) Rakan strategik dalam pelaksanaan penyelidikan melalui penyediaan data, tapak kajian, kepakaran teknikal, teknologi atau kemudahan khusus; atau
- (b) Memberikan komitmen dalam bentuk *in-kind* seperti perkhidmatan penyumberluaran (outsource), menyumbang dana, tenaga pakar atau sokongan logistik bagi melengkapkan penyelidikan; atau
- (c) Berkemampuan untuk menyelesaikan masalah/ penambahbaikan/ mengembangkan produk; atau
- (d) Berperanan menguji, mengesahkan serta mengadaptasi dapatan penyelidikan dalam operasi sebenar atau pembentukan dasar.

RAJAH 1
CARTA ALIR PERMOHONAN GET



Rajah 1: Carta Alir Permohonan GET

RAJAH 2
CARTA ALIR PEMANTAUAN GET



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan GET

SENARAI INSTITUSI

Senarai Universiti Awam adalah seperti berikut:-

BIL.	UNIVERSITI AWAM	KOD RUJUKAN
1	Universiti Malaya	UM
2	Universiti Sains Malaysia	USM
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
4	Universiti Putra Malaysia	UPM
5	Universiti Teknologi Malaysia	UTM
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIAM
7	Universiti Utara Malaysia	UUM
8	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
9	Universiti Malaysia Sabah	UMS
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris	UPSI
11	Universiti Sains Islam Malaysia	USIM
12	Universiti Teknologi MARA	UITM
13	Universiti Malaysia Terengganu	UMT
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTEM
16	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah	UMPSA
17	Universiti Malaysia Perlis	UNIMAP
18	Universiti Sultan Zainal Abidin	UNISZA
19	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	UPNM

Senarai Universiti Swasta (termasuk Kolej Universiti Swasta) adalah seperti berikut:-

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
1	Universiti Multimedia (MMU)	MMU
2	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	UNITEN
3	Universiti Teknologi Petronas	UTP
4	Universiti Kuala Lumpur	UniKL
5	University of Wollongong Malaysia	UOW
6	University Malaysia of Computer Science and Engineering	UNIMY
7	Universiti UCYP	UCYP
8	Universiti UCSI	UCSI
9	Universiti Tunku Abdul Rahman	UTAR
10	Universiti Tun Abdul Razak	UNIRAZAK
11	Universiti Terbuka Wawasan	WOU
12	Universiti Terbuka Malaysia	UNITEM
13	Universiti Teknologi Sarawak	UTS
14	Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing	LUCT
15	Universiti Taylor's	TAYLOR
16	Universiti Sultan Azlan Shah	USAS
17	Universiti Selangor	UNISEL
18	Universiti SEGi	SEGI
19	Universiti Poly-Tech Malaysia	UPTM
20	Universiti Nilai	NILAI
21	Universiti Muhammadiyah Malaysia	UMAM
22	Universiti MISI	MISI
23	Universiti Metropolitan Asia	AMU
24	Universiti Islam Melaka	UNIMEL
25	Universiti GlobalNxt	GLOBALNXT
26	Universiti Malaya - Wales	UM-WALES
27	Universiti MAHSA	MAHSA
28	Universiti KPJ Healthcare	KPJ
29	Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia	UKKM
30	Universiti Islam Selangor	UIS / KUIS
31	Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah	UnIPSAS

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
32	Universiti Islam Malaysia	UIM
33	Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	UniSHAMS
34	Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin	UniSIRAJ
35	Universiti Sains dan Teknologi Kuala Lumpur	IUKL
36	Universiti HELP	HELP
37	Universiti Geomatika Malaysia	GUC
38	Universiti Cyberjaya	UoC
39	Universiti Antarabangsa INTI	INTI
40	Universiti Antarabangsa AlBukhary	AIU
41	Universiti AIMST	AIMST
42	UNITAR International University	UNITAR
43	Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology	TARUMT
44	Sunway University	SUNWAY
45	Raffles University	RU
46	Quest International University	QIU
47	Putra Business School	PBS
48	Perdana University	PERDANA
49	MILA University	MILA
50	Meritus University	MERITUS
51	Management and Science University	MSU
52	Malaysia University of Science and Technology	MUST
53	INCEIF University	INCEIF
54	IMU University	IMU
55	Enforcement, Leadership and Management University	ELMU
56	DRB-HICOM University of Automotive Malaysia	DHU
57	City University	CITY
58	Binary University of Management dan Entrepreneurship	BUME
59	Asia School of Business	ASB
60	Asia Pacific University of Technology and Innovation	APU
61	Asia e University	AeU
62	Al-Madinah International University	MEDIU
63	Universiti Antarabangsa MAIWP	UNIMAIWP

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
64	Alfa University College	AUC
65	First City University College	FIRSTCITY
66	Kolej Universiti Agrosains Malaysia	UCAM
67	Kolej Universiti AMC	AMC
68	Kolej Universiti Antarabangsa Pengurusan dan Sukan	KUAPS
69	Kolej Universiti Antarabangsa Putra	KUAP
70	Kolej Universiti Antarabangsa Spektrum	KUAS
71	Kolej Universiti Asia Kepimpinan Wanita	AWLU
72	Kolej Universiti BERJAYA	KUHB
73	Kolej Universiti Bestari	KUB
74	Kolej Universiti Borneo Utara	KUBU
75	Kolej Universiti Fairview	FAIRVIEW
76	Kolej Universiti Genovasi	KUG
77	Kolej Universiti i-CATS	i-CATS UC
78	Kolej Universiti IJN	KUIJN
79	Kolej Universiti Inovatif	KUI
80	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra	KIAS
81	Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim	KUIJSI
82	Kolej Universiti Jesselton	JESSELTON
83	Kolej Universiti Kings	KUC
84	Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang	HCU
85	Kolej Universiti Lincoln	KUL
86	Kolej Universiti Linton	LINTON
87	Kolej Universiti Manipal Malaysia	MUCM
88	Kolej Universiti New Era	NEWERA
89	Kolej Universiti Saito	SAITO
90	Kolej Universiti Selatan	KUS
91	Kolej Universiti TATI	TATIUC
92	Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech	IUCTT
93	Kolej Universiti Veritas	VUC
94	Kolej Universiti Vision	KUV
95	Kolej Universiti Widad	WIDAD
96	Kolej Universiti Yayasan Pelajaran Johor	KUYPJ

BIL.	UNIVERSITI SWASTA	KOD RUJUKAN
97	Kolej Universiti Yayasan Sabah	KUYS
98	Netherlands Maritime University College	NMUC
99	University College of Aviation Malaysia	UniCAM
100	UOW Malaysia KDU Penang University College	KDUPG

Senarai Universiti Cawangan adalah seperti berikut:

BIL.	INSTITUSI CAWANGAN	KOD RUJUKAN
1	Curtin University, Malaysia	CURTIN
2	Heriot-Watt University Malaysia	HWUM
3	Monash University Malaysia	MUSM
4	Newcastle University Medicine Malaysia	NUMeD
5	Royal College of Surgeons in Ireland and University College Dublin Malaysia Campus	RCSIUCD
6	Swinburne University of Technology	SWIN
7	Universiti of Reading Malaysia	READING
8	Universiti Xiamen Malaysia	XMU
9	University of Nottingham Malaysia	UNM/UNIM
10	University of Southampton Malaysia	USMC / UoSM
11	University of Tsukuba, Malaysia	UTMy

Nota:

Berdasarkan Senarai Daftar IPTS Bertaraf Universiti sehingga 31 Disember 2025.

Kemaskini pada:

9 Februari 2026

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

Sub-bidang Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada tujuh (7) bidang penyelidikan seperti berikut:-

1) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);

Kejuruteraan (Engineering)

- a) Mekanikal dan Pembuatan (Mechanical and Manufacturing)
- b) Kejuruteraan Kimia dan Proses (Chemical and Process Engineering)
- c) Elektrik dan Elektronik (Electrical and Electronic)
- d) Aeroangkasa (Aerospace)
- e) Bahan dan Polimer (Material and Polymer)
- f) Awam dan Struktur (Civil and Structural)

Teknologi (Technology):

- g) Tenaga dan Teknologi Hijau (Energy and Green Technology)
- h) Pembinaan dan Bahan Binaan (Construction and Construction Materials)
- i) Infrastruktur dan Pengangkutan (Infrastructure and Transportation)
- j) Sistem Keselamatan (Security System)

2) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology);

- a) Kecerdasan Buatan & Sistem Kuantum (Artificial Intelligence & Quantum Systems)
- b) Teori, Model & Kaedah Pengkomputeran (Computational Theory, Models & Methods)
- c) Algoritma & Pengoptimuman (Algorithms & Optimization)
- d) Rangkaian Komunikasi, Sistem Teragih & Sistem IoT (Communication Networks, Distributed & IoT Systems)
- e) Sains Data, Analitis & Sistem Maklumat (Data Science, Analytics & Information Systems)
- f) Sistem Perisian, Awan, Edge & Pengkomputeran Terbenam (Software Systems, Cloud, Edge & Embedded Computing)
- g) Keselamatan Siber, Privasi & Pengkomputeran Dipercayai (Cybersecurity, Privacy & Trustworthy Computing)
- h) Multimedia, Imersif & Pengkomputeran Berpusatkan Manusia (Multimedia, Immersive & Human-Centric Computing)

- 3) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);
 - a) Sains Perubatan Asas (Basic Medical Sciences)
 - b) Kajian Klinikal (Clinical Studies)
 - c) Perubatan (Medicine)
 - d) Pembedahan (Surgery)
 - e) Perubatan Komuniti (Community Medicine)
 - f) Sains Kesihatan (Health Science)
 - g) Pergigian (Dental)
 - h) Mikrobiologi Perubatan (Medical Microbiology)
 - i) Kejururawatan (Nursing)
 - j) Parasitologi (Parasitology)
 - k) Patologi (Pathology)
 - l) Farmasi (Pharmacy)
 - m) Farmakologi (Pharmacology)
 - n) Veterinar (perubatan haiwan) / Veterinary (Animal Medicine)
 - o) Psikologi Klinikal (Clinical Psychology)
 - p) Perubatan Alternatif (Alternative Medicine)
- 4) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);
 - a) Biokimia (Biochemistry)
 - b) Bioteknologi (Biotechnology)
 - c) Biologi (Biology)
 - d) Kimia (Chemistry)
 - e) Sains Bahan (Materials Science)
 - f) Matematik dan Statistik (Mathematics and Statistics)
 - g) Fizik (Physics)
- 5) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);
 - a) Bahasa dan Linguistik (Language and Linguistic)
 - b) Kesusasteraan (Literature)
 - c) Agama (Religion)
 - d) Falsafah (Philosophy)
 - e) Ketamadunan (Civilization)
 - f) Sejarah (History)
 - g) Seni (Art)
 - h) Budaya (Culture)
 - i) Pendidikan (Education)
 - j) Pendidikan Orang Asli (Orang Asli Education)
 - k) Polisi dan Undang-Undang (Policies and Law)
 - l) Alam Bina (Built Environment)

- 6) Sains Sosial (Social Sciences);
 - a) Antropologi (Anthropology)
 - b) Psikologi (Psychology)
 - c) Sosiologi (Sociology)
 - d) Sains Politik (Political Science)
 - e) Ekonomi (Economics)
 - f) Perniagaan (Termasuk Perakaunan, Kewangan, Pemasaran, Keusahawanan) (Business (Including Accounting, Finance, Marketing, Entrepreneurship))
 - g) Pengurusan (Tingkah laku Organisasi) (Management (Organisational Behaviour))
 - h) Geografi (Geography)
 - i) Komunikasi (Communication)
 - j) Kajian Etnik (Ethnography)

- 7) Warisan dan Alam Sekitar (Environment and Heritage);
 - a) Pelancongan (Tourism)
 - b) Kesejahteraan Alam Sekitar (Environmental Health)
 - c) Kesihatan Bumi (Planetary Health)
 - d) Perhutanan (Forestry)
 - e) Pertanian (Agriculture)
 - f) Marin (Marine)
 - g) Arkeologi (Archaeology)
 - h) Geologi dan Geosains (Geology and Geoscience)
 - i) Warisan (Heritage)
 - j) Budaya (Culture)
 - k) Kepelbagaian Biologi (Biodiversity)
 - l) Kuliner (Culinary)
 - m) Geomatik/ Geoinformatik/ Penderiaan Jauh (Geomatics/ Geoinformatics/ Remote Sensing)
 - n) Sains Angkasa (Space Science)

Bidang BITARA dalam RMK13

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada sembilan (9) bidang BITARA RMK13 seperti berikut:

- 1) Elektrik dan elektronik (E&E) bernilai tinggi;
- 2) Aeroangkasa;
- 3) Kimia;
- 4) Mesin dan peralatan;
- 5) Digital dan ICT;
- 6) Farmaseutikal;
- 7) Peranti perubatan;
- 8) Produk berasaskan kelapa sawit;
- 9) Produk berasaskan getah.

Kluster Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada lapan (8) kluster penyelidikan seperti berikut:

- 1) Sekuriti dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security);
- 2) Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure);
- 3) Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment);
- 4) Kesihatan (Health);
- 5) Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (Education & Knowledgeable Civil Society);
- 6) Keselamatan Negara (National Security);
- 7) Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (Social & Economic Wellbeing); atau
- 8) Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing).

17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 17 Anjakan Besar (*Big Bolds*) Ekonomi MADANI seperti berikut:-

- 1) Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi (Governance and Institutional Framework);
- 2) Perundangan Berkaitan Rasuah (Legislation Related to Corruption);
- 3) Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan (Fiscal Sustainability and Financial System);
- 4) Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga (HGHV Industry Based on Energy Transition);
- 5) Subsidi Bersasar (Targeted Subsidies);
- 6) Pembudayaan Masyarakat Madani (Enculturation of MADANI Society)
- 7) Reformasi Perlindungan Sosial (Social Protection Reform);
- 8) Perumahan Untuk Rakyat (Housing for the Rakyat);
- 9) Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan (Strengthening Healthcare Services);
- 10) Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara (Strengthening National Security And Defense);
- 11) Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital (Digital- and Technology-based HGHV Industries);
- 12) Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi (High value E&E HGHV Industry);
- 13) HGHV pertanian dan industri asas tani (Agriculture and Agro-based Industry);
- 14) Industri HGHV nadir bumi (Rare Earths HGHV Industry);
- 15) Pernerus PMKS dan Perusahaan sosial (Empowering MSMEs and Social Enterprises);
- 16) Pengukuhan jaringan pengangkutan awam (Streamlining the Public Transport Network); atau
- 17) Ketersediaan bakat masa hadapan (Future-ready Talent).

Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - *Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy*)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi seperti berikut:-

- 1) Tenaga (Energy);
- 2) Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (Business and Financial Services);
- 3) Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Culture, Arts and Tourism);
- 4) Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (Medical and Healthcare);
- 5) Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing));
- 6) Bandar Pintar dan Pengangkutan (Smart Cities and Transportation)
- 7) Air dan Makanan (Water and Food);
- 8) Pertanian dan Perhutanan (Agriculture and Forestry);
- 9) Pendidikan (Education); atau
- 10) Alam Sekitar dan Biodiversiti (Environment and Biodiversity).

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs – *Sustainable Development Goals*)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:-

- 1) SDG 1 - Tiada Kemiskinan (*No Poverty*);
- 2) SDG 2 - Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*);
- 3) SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (*Good Health and Well-being*);
- 4) SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*);
- 5) SDG 5 - Kesaksamaan Gender (*Gender Equality*);
- 6) SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (*Clean Water and Sanitation*);
- 7) SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (*Affordable and Clean Energy*);
- 8) SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*);
- 9) SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (*Industry, Innovation and Infrastructure*);
- 10) SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (*Reduced Inequalities*);
- 11) SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (*Sustainable Cities and Communities*);
- 12) SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (*Responsible Consumption and Production*);
- 13) SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (*Climate Action*);
- 14) SDG 14 - Kehidupan dalam Air (*Life below Water*);
- 15) SDG 15 - Kehidupan di Darat (*Life on Land*);
- 16) SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (*Peace, Justice and Strong Institutions*);
- 17) SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (*Partnerships for the Goals*); atau
- 18) Others - Kebahagiaan dan Keharmonian Masyarakat (*Societal Harmony and Happiness*).

Ketua projek hendaklah mengenal pasti dan memilih kementerian yang berkaitan projek yang ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya)

- | | | | |
|-----|--------|---|---|
| 1) | JPM | - | Jabatan Perdana Menteri (Prime Minister's Department) |
| 2) | KDN | - | Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs) |
| 3) | MOF | - | Kementerian Kewangan (Ministry of Finance) |
| 4) | MINDEF | - | Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence) |
| 5) | KPM | - | Kementerian Pendidikan (Ministry of Education) |
| 6) | KKDW | - | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Ministry of Rural and Regional Development) |
| 7) | KPT | - | Kementerian Pendidikan Tinggi (Ministry of Higher Education) |
| 8) | KPKT | - | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Ministry of Housing and Local Government) |
| 9) | MOT | - | Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport) |
| 10) | KPKM | - | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security) |
| 11) | KSM | - | Kementerian Sumber Manusia (Ministry of Human Resources) |
| 12) | KPWKM | - | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development) |
| 13) | KKM | - | Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health) |
| 14) | KBS | - | Kementerian Belia dan Sukan (Ministry of Youth and Sports) |
| 15) | KUSKOP | - | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development) |
| 16) | KASA | - | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change) |
| 17) | KPDN | - | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living) |

- | | | | |
|-----|-------|---|---|
| 18) | KLN | - | Kementerian Luar Negeri (Ministry of Foreign Affairs Malaysia) |
| 19) | MPIC | - | Kementerian Perlombongan Dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities) |
| 20) | MOSTI | - | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia) |
| 21) | MITI | - | Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Ministry of Investment, Trade and Industry) |
| 22) | MOTAC | - | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Ministry of Tourism, Arts and Culture) |
| 23) | KKR | - | Kementerian Kerja Raya (Ministry of Works) |
| 24) | KPN | - | Kementerian Perpaduan Negara (Ministry of National Unity) |
| 25) | KKMM | - | Kementerian Komunikasi (Ministry of Communications) |
| 26) | MoD | - | Kementerian Digital (Ministry of Digital) |
| 27) | PETRA | - | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air |
| 28) | KE | - | Kementerian Ekonomi (Ministry of Economy) |

GARIS PANDUAN PENERBITAN VIDEO KORPORAT & POSTER

A) KANDUNGAN VIDEO

1. - PENGENALAN

- Video perlu mengandungi nama produk/hasil penyelidikan, logo dan *branding*
- Kementerian Pendidikan Tinggi
Penggunaan logo Jata Negara (tertera perkataan KPT) dan logo JPT perlu dipaparkan pada permulaan dan pengakhiran video.
- Institusi
Video perlu dilengkapi dengan nama dan logo Institusi serta Institusi kolaborasi (sekiranya ada)
- Kumpulan penyelidik
Video perlu mengandungi senarai nama Ketua Projek dan ahlinya serta penyumbang dana penyelidikan

2. - PENGENALAN PRODUK

- Video perlu menghuraikan tentang produk/ hasil penyelidikan, fungsi produk, kumpulan sasaran, pensijilan & piawaian dengan kreatif, ringkas dan jelas
- Video perlu mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) testimoni daripada golongan penerima manfaat (Industri, Kerajaan, Badan bukan kerajaan, Komuniti; dan lain-lain).
- Pendapatan
Video perlu dilengkapi dengan jumlah penajaan pendapatan bagi produk tersebut di pasaran tempatan dan antarabangsa (sekiranya ada)
- Pengiktirafan
Pengiktirafan produk baik daripada tempatan mahupun antarabangsa

3. - KUALITI VIDEO

- Suara latar
Suara latar dalam Bahasa Inggeris perlu jelas dan paparan sarikata Bahasa Melayu adalah WAJIB.
- Muzik latar
Muzik latar yang bersesuaian dengan situasi dan tidak menenggelamkan suara latar video tersebut.
- Resolusi
Video perlu disediakan dalam resolusi tinggi & berdefinisi tinggi

4 - DURASI VIDEO

- Tidak melebihi 3 minit

B) KANDUNGAN POSTER / INFOGRAFIK

1. REKA BENTUK

- Bentuk yang kreatif dan menyampaikan mesej yang jelas
- Penggunaan warna & susun atur info yang bersesuaian
- Perlu disediakan dalam resolusi yang tinggi/HD dan format JPEG/ PNG/ AI sahaja

2. KANDUNGAN

- Poster/infografik perlu disediakan dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
- Poster/infografik perlu mengandungi nama produk/ hasil penyelidikan, logo dan branding
- Kementerian

Penggunaan logo Jata Negara (tertera perkataan Kementerian Pendidikan Tinggi)

- Institusi

Poster perlu dilengkapi sama ada nama atau logo Institusi dan Institusi kolaborasi (sekiranya ada)

- Kumpulan penyelidik

Poster perlu mengandungi senarai nama Ketua projek dan ahlinya serta penyumbang dana penyelidikan

- Poster perlu menghuraikan produk, fungsi produk, kumpulan sasaran, pensijilan & piawaian dengan kreatif, ringkas dan jelas

- Poster perlu dilengkapi impak kepada golongan penerima manfaat secara ringkas.

- i. Industri;
- ii. Kerajaan;
- iii. Badan bukan kerajaan;
- iv. Komuniti; dan lain-lain.

- Pendapatan

Poster perlu dilengkapi dengan jumlah penajaan pendapatan bagi produk tersebut di pasaran tempatan dan antarabangsa (sekiranya ada)

- Pengiktirafan

Pengiktirafan produk sama ada daripada tempatan mahupun antarabangsa.

Senarai Harta Intelek (Intellectual Property)

- 1) Paten / Perbaharuan Utiliti (Patent / Utility Innovation) (keutamaan)
- 2) Reka Bentuk Perindustrian (Industrial Design)
- 3) Petunjuk Geografi (Geographical Indications)
- 4) Hak Cipta (Copyright)
- 5) Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu (Integrated Circuit Layout Design)
- 6) Varieti Tanaman Baharu
- 7) Pendedahan Teknologi
- 8) Cap dagangan dan lain-lain

Jadual 3 : Tempoh Pelaksanaan Projek GET

Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Tarikh Tutup & Surat Penutupan Projek
Tarikh mula projek seperti yang diluluskan oleh JPT	Tarikh projek berakhir mengikut surat tawaran JPT atau tarikh pelanjutan yang diluluskan (jika berkenaan)	Tempoh 6 bulan selepas Tarikh Akhir Tarikh fail kewangan projek ditutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir. Sebarang aktiviti penyelidikan tidak dibenarkan selepas tarikh akhir projek. Semua komitmen bayaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh akhir (tiada perbelanjaan baharu). Hanya perbelanjaan bagi bayaran yuran penerbitan jurnal (APC) dan pemfailan harta intelek dibenarkan dalam tempoh 6 bulan. Pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Pemantauan KPT. Laporan Akhir hendaklah diselesaikan dan dikemukakan kepada RMC & JPT. Surat Penutupan Projek boleh dikeluarkan sekiranya memenuhi perkara berikut: - Telah membentangkan laporan kepada JPT (sekiranya berkaitan) - Telah menghantar Laporan Akhir - Mencapai/ tidak mencapai KPI yang telah dijanjikan (JKPU/ JPT akan menentukan status projek) Walaupun projek telah tamat dan ditutup, JPT berhak meminta apa-apa maklumat berkaitan projek dari semasa ke semasa seperti output dan ROV, mengadakan audit dan lawatan tapak, menjemput untuk mempamerkan maklumat projek atau apa-apa yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang telah diberikan. Laporan output, ROV dilaporkan setiap tahun kepada JPT dalam tempoh 3 tahun selepas projek tutup.

Jadual Cadangan Hasil Penyelidikan

Output / Hasil Penyelidikan	Impak Disasarkan	Indikator Impak	Contoh KPI & Sasaran
Penerbitan	Penghasilan/penjanaan ilmu baharu & peningkatan visibiliti penyelidikan/akademik	Bil. penerbitan, indeks jurnal, sitasi kualiti jurnal	≥1 artikel jurnal berindeks (Scopus/WoS/MyCITE); ≥1 penerbitan bersama pelajar Pembentangan/ persidangan
Bakat (Modal Insan)	Kebolehpasaran graduan & kepakaran lanjutan Graduan berkemahiran tinggi	Kadar kebolehpasaran, gaji permulaan % mendapat pekerjaan ≤6 bulan; julat gaji; kesinambungan pengajian	≥80% graduan mendapat pekerjaan ≤6 bulan; gaji purata ≥RM3,500; ≥1 pelajar sambung PhD/Sarjana
Pendaftaran Harta Intelekt	Perlindungan inovasi & asas pengkomersialan kesiapsiagaan komersial	Bil. IP difailkan jenis; status	≥1 pemfailan IP (hak cipta / paten sementara / paten) ≥1 teknologi dinilai TTO
Garis Panduan / Kertas Putih / Laporan Teknikal	Rujukan teknikal & sokongan pelaksanaan pemindahan pengetahuan	Dokumen diluluskan/diguna	≥1 dokumen teknikal/garis panduan diterbitkan dan diguna pakai oleh agensi/industri disahkan institusi/agensi (jika berkaitan)

Output / Hasil Penyelidikan	Impak Disasarkan	Indikator Impak	Contoh KPI & Sasaran
Faedah kepada Penerima Manfaat	Peningkatan kecekapan / kualiti hidup	Tahap kepuasan, hasil penggunaan	≥1 kumpulan sasaran menerima manfaat; tahap kepuasan ≥70%
	Penyelesaian masalah sebenar	Bil. penerima; maklum balas	bukti maklum balas/ujian penerimaan
Polisi / Dasar / Standard	Sokongan kepada pembentukan dasar / penggubalan dasar berasaskan bukti	Bil. input polisi Bil. rujukan; pengiktirafan	≥1 input teknikal kepada polisi/dasar/standard (minit mesyuarat/surat pengesahan)
Penjimatan Masa & Kos	Kecekapan operasi/ proses	Peratus penjimatan (% masa/kos dijimatkan)	Penjimatan masa ≥20% atau kos ≥15% berbanding kaedah sedia ada (anggaran teknikal)
Penjanaan Ekonomi / Sosial (Komuniti/Industri)	Nilai tambah ekonomi & kesejahteraan sosial (komuniti/industri)	Nilai ekonomi / impak sosial Bukti nilai; penerima	≥1 komuniti/industri terlibat; potensi nilai ekonomi dianggarkan (kajian kes/Lol)
Dana Luar	Kelestarian penyelidikan (Daya tarikan pelaburan)	Nilai dana susulan (Nilai dana; bil. Permohonan)	≥1 permohonan dana luar; dana susulan ≥RM100,000 co-funding
Fasiliti / Infrastruktur	Pengukuhan infrastruktur penyelidikan (Pengukuhan ekosistem R&D)	Fasiliti dinaik taraf (Bil. fasiliti; penggunaan)	≥1 fasiliti/makmal dinaik taraf atau dimanfaatkan secara bersama

Output / Hasil Penyelidikan	Impak Disasarkan	Indikator Impak	Contoh KPI & Sasaran
Reka Cipta / Prototaip	Inovasi berfungsi & siap diuji (Bukti konsep & kesediaan TRL)	TRL / prototaip (Tahap PoC; ujian)	≥1 proof-of-concept/ prototaip asas TRL 2–3
Perundingan / Khidmat Nasihat	Pemindahan kepakaran kepada pihak luar	Bil. sesi/kontrak/ penerima	≥1 khidmat nasihat/perundingan kepada agensi/industri
Sangkutan (Secondment/Attachment)	Pendedahan industri & pemindahan ilmu dua hala	Tempoh sangkutan; peserta	≥1 sangkutan penyelidik/pelajar (1–6 bulan) di industri/agensi
Program Pemindahan Teknologi (KTP)	Aplikasi teknologi kepada pengguna akhir (Laluan ke aplikasi)	Program dilaksana; peserta	≥1 program pemindahan teknologi dilaksanakan
Spin-off	Keusahawanan berasaskan teknologi	Penubuhan syarikat	≥1 syarikat spin-off berpotensi ditubuhkan
Pengkomersialan	Penjanaan pendapatan (Nilai pasaran awal)	Hasil jualan / lesen (Lol; pelan)	≥1 perjanjian lesen/ujian pasaran; potensi hasil dikenal pasti (Lol industri atau pelan pra- pengkomersialan)

**SEKSYEN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (R&D)
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
NO. TEL. : 03-8870 6974 / 6975
E-mel: get.bkpi@mohe.gov.my**